Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
(719057-X)

| **PRODUCT DISCLOSURE SHEET (PDS) / *LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (LPP)*** | **AL RAJHI BANK** |
|---|---|
| Please read this PDS with the terms stated in the Letter of Offer before you decide to take up the Bank Guarantee-*i* via Upfront Payment (Fully Secured by Cash) ("BG-*i*") product with Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd ("Bank"). Seek clarification from your institution if you do not understand any part of this document or the general terms. / *Sila baca LPP ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil produk Jaminan Bank-i melalui Bayaran Pendahuluan (Sepenuhnya Dijamin oleh Tunai) ("BG-i") dari Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd ("Bank"). Sila dapatkan penjelasan daripada institusi kewangan anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma bagi kemudahan ini.* | **Bank Guarantee-*i* via Upfront Payment (Fully Secured by Cash) ("BG-*i*") / *Jaminan Bank-i melalui Bayaran Pendahuluan (Sepenuhnya Dijamin oleh Tunai) ("BG-i")*** <br><br> This PDS is dated / *LPP ini bertarikh* : <br><br> ................................ <br> (Date issued to customer / *Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan*) |

## 1. What is this product about? / *Apakah produk ini*?

- A BG-*i* is a payment undertaking given by the Bank (guarantor) in writing at the request of customer (applicant) to pay the stated sum of money to the beneficiary upon presentation of written demand. / *BG-i adalah akujanji pembayaran yang diberikan oleh Bank (penjamin) secara bertulis atas permintaan pelanggan (pemohon) untuk membayar jumlah wang yang dinyatakan kepada benefisiari setelah pengemukaan permintaan bertulis.*
- BG-*i* serves as a guarantee by the Bank who agrees to be responsible for the financial obligation of the customer in connection with contracts entered between customer/applicant with the beneficiary. / *BG-i berfungsi sebagai jaminan oleh Bank yang bersetuju untuk bertanggungjawab terhadap kewajipan kewangan pelanggan yang berkaitan dengan kontrak yang ditandatangani antara pelanggan/pemohon dengan benifisiari.*
- The BG-*i* product can be offered to customer with/without financing facility. / *Produk BG-i boleh ditawarkan kepada pelanggan dengan / tanpa kemudahan pembiayaan.*

## 2. What is the Shariah concept applicable? / *Apakah konsep Shariah yang digunapakai*?

The Shariah contract applicable is *Kafalah* (Guarantee), a contract where the Bank acts as a guarantor *(kafil)* where the Bank will guarantee the Customer's *(makful 'anhu)* project or performance and to pay the beneficiary *(makful lahu)* of the BG-i of an agreed sum if the customer fails or defaults in performing his obligations under the contract/ agreement entered with beneficiary. / *Kontrak Shariah yang diguna pakai ialah Kafalah (Jaminan), suatu kontrak di mana Bank dilantik sebagai penjamin (kafil) di mana Bank akan menjamin projek atau prestasi Pelanggan (makful 'anhu) dan untuk membayar benefisiari (makful lahu) dari BG- i jumlah yang disepakati jika pelanggan gagal atau mungkir dalam melaksanakan kewajibannya di bawah kontrak / perjanjian yang dimeterai dengan benefisiari.*

## 3. What do I get from this product? / *Apakah yang dapat saya perolehi dari produk ini*?

BG-i allows you to participate in Shariah-compliant business activities where your counterpart requires such guarantee. Below are the benefits of the product: / *BG-i membolehkan anda untuk mengambil bahagian dalam aktiviti perdagangan patuh Shariah di mana rakan perniagaan anda memerlukan jaminan Bank. Di bawah adalah manfaat-manfaat produk:*

✓ Assurance/certainty of payment to your business counterpart who requires a payment guarantee; / *Jaminan / kepastian pembayaran kepada rakan perniagaan anda yang memerlukan jaminan pembayaran;*
✓ Payment guarantee for any Shariah-compliant business trade either local or internationally; and / *Jaminan pembayaran untuk mana-mana perdagangan perniagaan yang berlandaskan Shariah sama ada tempatan atau antarabangsa; dan*
✓ The possibility to negotiate better terms and conditions of the trade agreement. / kemampuan/kemungkinan untuk merunding *terma dan syarat perjanjian perdagangan yang lebih baik.*

## 4. What are my obligations? / *Apakah kewajipan saya?*

To fulfil your obligations as per the terms and conditions in the Application Form for the BG-i. Few key terms and conditions that you need to know are as per the following: / *Untuk memenuhi kewajipan anda mengikut terma dan syarat dalam Borang Permohonan untuk BG-i. Beberapa terma dan syarat utama yang perlu anda ketahui adalah seperti yang berikut:*

- The customer (applicant) authorizes the Bank to debit the account which the customer maintain with the Bank for amount equivalent to 100% of the BG-i amount and any amount equivalent to the non-refundable fees and charges (including taxes) in relation to BG-i transaction; / *Pelanggan (pemohon) memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit akaun pelanggan untuk jumlah yang bersamaan dengan 100% jumlah BG-i dan sebarang jumlah yang sama dengan yuran dan caj yang tidak boleh dikembalikan (termasuk cukai) berhubung dengan transaksi BG-i;*
- The customer (applicant) must ensure that all information or report in writing that is furnished to the Bank does not contain any untrue statement or any misstatement of fact, and fully disclose in writing to the Bank all material facts in the context of the BG-i and its documents; / *Pelanggan (pemohon) mestilah memastikan bahawa semua maklumat atau laporan secara bertulis yang diberikan kepada Bank tidak mengandungi sebarang pernyataan yang salah atau sebarang kenyataan yang tidak tepat, dan mendedahkan sepenuhnya secara bertulis kepada Bank semua fakta material dalam konteks BG-i dan dokumennya;*
- The Bank shall at all times be entitled to make any payment under the BG-i for which a demand has been made without further investigation or enquiry and need not concern itself with the propriety of any claim made by the customer or any other third party; / *Bank hendaklah pada setiap masa berhak untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah BG-i di mana suatu permintaan telah dibuat tanpa siasatan lanjut dan tidak perlu mengambil kira apa-apa tuntutan yang dibuat oleh pelanggan atau mana-mana pihak ketiga;*
- Upon expiry of the BG-i and until such time the Bank is satisfied that there will be no further claims arising under or in connection with the BG-i, the Bank shall refund to the customer (applicant) the BG-i equivalent amount less any payment made or to be made by the Bank pursuant to any claim arising under or in connection with the BG-i; / *Apabila tamat tempoh BG-i dan sehingga masa Bank berpuas hati bahawa tidak akan ada tuntutan lanjut yang timbul di bawah atau berkaitan dengan BG-i, Bank hendaklah membayar balik kepada pelanggan (pemohon) jumlah yang bersamaan BG-I, ditolak apa-apa bayaran yang dibuat atau perlu dibuat oleh Bank disebabkan oleh apa-apa tuntutan yang timbul di bawah atau berkaitan dengan BG-i;*
- Even though the BG-i has expired, the Bank shall not be required to make the payment to the customer until the original BG-i is returned to the Bank for cancellation; or written confirmation from the beneficiary of the BG-i that the Bank is no longer liable under the BG-i. / *Walaupun BG-i telah tamat tempoh, Bank tidak perlu membuat pembayaran kepada pelanggan sehingga BG-i asal dikembalikan kepada Bank untuk pembatalan; atau pengesahan bertulis daripada benefisiari BG-i bahawa Bank tidak lagi bertanggungjawab di bawah BG-i tersebut.*
- For every utilisation of BG-i, you will have to pay all related fees and charges fee upfront. / *Untuk setiap penggunaan BG-i, anda perlu membayar semua fi dan caj berkaitan terlebih dahulu.*

## 5. What are the fees and charges I have to pay? / *Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?*

| **Fees and Charges** / *Fi dan Caj* | **Rate** / *Kadar* |
|---|---|
| **Handling Fee** (Issuance Commission) / ***Bayaran Pengendalian*** *(Komisen Penerbitan)* | RM400.00 flat / *rata* |
| **Amendment Fee** / ***Fi Pindaan*** | RM400.00 flat / *rata* |

## 6. In addition to the fees, what other charges do I have to pay? *Di samping bayaran fi, apakah caj lain yang perlu saya bayar?*

For the avoidance of doubt, you shall bear all professional fees, taxes (including but not limited to Service Tax (ST) where applicable), and out-of-pocket expenses incurred and any other fees, expenses or recourse in respect of this product./ *Bagi mengelakkan keraguan, anda hendaklah menanggung semua fi professional, cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada Cukai Perkhidmatan (ST) jika berkenaan), dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan produk ini.*

| | |
|---|---|
| **Stamp Duties / *Duti Setem*** | As per Stamp Duty Act 1949 (revised 1989) / *Seperti yang termaktub di dalam Akta Setem 1949 (Disemak 1989)* |

Please request the Bank's Standard Charges on Islamic Trade Finance products and Services from your Relationship Manager or retrieve it from Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad website at https://www.alrajhibank.com.my. / *Sila berurusan dengan Pengurus Perhubungan anda untuk mendapatkan Caj Standard Bank untuk produk dan perkhidmatan Perdagangan Kewangan Islam atau lawati/dapatkan dari laman sesawang Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad di https://www.alrajhibank.com.my.*

## 7. What if I fail to fulfil my obligations? / *Apakah yang berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?*

- The Bank reserves the right at any given time to debit your account with Al Rajhi Bank towards payment of the BG-*i* and any other charges and/or fees incurred in the settling the payment, legal costs incurred in relation to enforcement of recovery cost and any other cost or expenses incidental thereto as per consent obtained in Letter of Authorisation to Debit and thereafter notify you accordingly. All legal costs related to the recovery action shall be borne by you; and / *Bank mempunyai hak pada bila-bila masa untuk mendebitkan akaun anda dengan Al Rajhi Bank ke arah pembayaran BG-i dan apa-apa caj lain dan / atau fi yang dilakukan dalam menyelesaikan pembayaran itu sebagai persetujuan yang diperolehi dalam Surat Pemberitahuan dan Kebenaran, kos undang-undang yang ditanggung berhubung penguatkuasaan kos pemulihan dan lain-lain kos atau perbelanjaan lain yang bersampingan dengannya. Semua kos perundangan yang berkaitan dengan tindakan pemulihan akan ditanggung oleh anda; dan*
- Any legal action against you will affect future utilisation of other banking facilities with Al Rajhi Bank. / *Sebarang tindakan undang-undang yang diambil terhadap anda akan menjejaskan penggunaan kemudahan perbankan lain dengan Al Rajhi Bank.*

## 8. What do I need to do if there are changes to my contact details? / *Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?*

- It is important that you inform the Bank of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. / *Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Bank apa-apa perubahan dalam maklumat perhubungan anda untuk memastikan sebarang surat-menyurat diterima oleh anda pada masa yang tepat.*
- You may inform the Bank of such changes via various channels of communication such as email, visit branches or call centre at +603 2332 6000. / *Anda boleh memaklumkan pada Bank tentang perubahan tersebut melalui pelbagai saluran komunikasi seperti e-mel, cawangan bank atau hubungi pusat panggilan Bank di +603 2332 6000.*

## 9. Where can I get assistance and redress? / *Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?*

If you have any enquiries or wish to complaint on the products or services provided by us, you may contact us at: / *Sekiranya anda mempunyai pertanyaan atau ingin mengadu mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:*

| | | |
|---|---|---|
| **Address/ *Alamat*** | : | Al Rajhi Bank Customer Care Consultant<br>Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd<br>Ground Floor, East Block Wisma Golden Eagle Realty,<br>142-B Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur |
| **Tel / *Tel*** | : | +603 2332 6000 (Domestic) |
| | : | +603 2332 9000 (International) |
| **Fax / *Faks*** | : | +603-23326062 |
| **Email / *E-mel*** | : | customersupport@alrajhibank.com.my |

If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at: / *Jika pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan secara memuaskan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:*

| | | |
|---|---|---|
| **Address/ *Alamat*** | : | Block D, Bank Negara Malaysia<br>Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |
| **Tel / *Tel*** | : | 1-300-88-5465 |
| **Fax / *Faks*** | : | +603-21741515 |
| **Email / *E-mel*** | : | bnmtelelink@bnm.gov.my |

## 10. Other trade products available for SME customers? / *Product perkhidmatan lain yang tersedia untuk pelanggan?*

- Letter of Credit-*i* / *Surat Kredit-i*
- Shipping Guarantee-*i* / *Jaminan Perkapalan-i*
- Trade Commodity Financing-*i* / Pembiayaan Komoditi Perdagangan-*i*

**IMPORTANT NOTE: LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU FAIL TO SERVICE YOUR FEES, CHARGES OR PAYMENT FOR THE FACILITY ON REGULAR BASIS / *NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN FI, CAJ ATAU BAYARAN KEMUDAHAN TERSEBUT SECARA TETAP KEPADA BANK***